

# Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia

## Spontaneous Abortion : Islamic and Malaysian Law Perspectives

Makiah Tussaripah Jamil (Pengarang Penghubung)

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan,  
Malaysia

Tel: +6019-7013020 E-mel: makiah@ns.uitm.edu.my

Abdul Mukti Baharudin

Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS), 43000 Bangi, Selangor, Malaysia

Tel: +603-89254251 E-mel: abdulmukti@kuis.edu.my

Hisam Satari

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan,  
Malaysia

Tel : +6013-3941469 E-mel : janjarumi@yahoo.com

### Abstrak

Pengguguran bayi di kalangan wanita Islam adalah fenomena semasa yang menjadi permasalahan bersifat domestik dan antarabangsa. Artikel ini bertujuan memahami definisi dan konsep pengguguran secara teknikal dengan merujuk kepada pengertian menurut ilmu perubatan dan perspektif Islam. Artikel yang dibuat bukan sahaja melihat konsep pengguguran tetapi juga mengkaji dan melihat apakah kaedah yang biasa digunakan bagi menggugurkan kandungan. Di samping itu juga, perbincangan dibuat bagi menjelaskan secara terperinci akan sebab dan punca-punca yang menyebabkan pengguguran berlaku di kalangan masyarakat Malaysia khususnya dan dunia amnya. Artikel ini mendapati bahawa gejala perzinaan dan persetubuhan haram telah menjadi satu kesalahan jenayah syariah yang mencatatkan angka tertinggi berbanding kesalahan jenayah yang lain. Kajian ini turut melihat kesan atau akibat daripada amalan pengguguran janin sama ada dari sudut dan kesihatan si ibu, sosial dan juga bidang perubatan. Selain itu, kita akan turut

melihat sejauh mana peruntukan dan hukuman berkaitan pengguguran di bawah Kanun Keseksaan Malaysia dan perspektif Islam. Akhirnya, artikel ini akan membuat analisa secara kritikal melalui metodologi perbandingan dengan sistem Islam untuk melahirkan beberapa saranan, cadangan serta mekanisme yang difikirkan paling tepat bagi memperbaiki sistem yang sedia ada agar masalah pengguguran bayi yang menjadi-jadi dewasa ini dapat dibendung dan diselesaikan.

**Katakunci:** Pengguguran; Islam; Kesan; Peruntukan

### Abstract

Spontaneous abortion amongst women is a current phenomenon that has become a domestic as well as global issue. This article attempts to comprehend its definition and concept in terms of its technical aspect with reference to its medical understanding through Islamic perspective. It does not only focus on the concept of abortion, but also to verify the

approach used in the act of abortion. Besides, the discussion intends to clarify in details the causes of abortion amongst the women in Malaysia, in particular and globally, in general. This study has found that illegal non marital sex which is a syariah crime has recorded the highest number of incidence as compared to other crimes. This research also focuses on the effect of abortion from the aspects of mother's health as well as social and medical implication. Besides that, the paper will see the extent in terms of provisions and penalties in relation to abortion under Malaysia Criminal Acts and the Islamic perspective. In conclusion, this paper presents a critical analysis through comparative methodology in order to present suggestions, proposals as well as the mechanism to enhance the available system to help alleviate the issue on how to resolve spontaneous abortion.

**Keywords:** Spontaneous abortion; Islam; Effect; Provision

## Pengenalan

Nyawa dan peluang untuk hidup adalah satu nikmat yang paling berharga dalam kehidupan seorang manusia. Setiap yang bernama manusia pastinya sangat menghargai nilai nyawa dan peluang kehidupan yang dimilikinya. Bahkan dalam semua agama dan undang-undang di dunia mengajar pengikutnya untuk sentiasa menjaga diri dan nyawa. Namun terdapat segelintir manusia yang telah hilang nilai budi dan kemanusiaan dengan mengabaikan kepentingan memelihara nyawa dan kehidupan seorang manusia. Walaupun tiada kalimah 'pembunuhan' digunakan, namun elemen 'actus reus' dan 'mens reus' masih tetap memenuhi elemen jenayah 'pembunuhan' terutama bagi janin yang berusia lewat empat bulan yang dikatakan sudah mempunyai roh dan nyawa seperti manusia biasa. Bezanya cuma keupayaannya untuk hidup di dunia nyata masih tiada.

Pengguguran bayi bukanlah satu perkara baru sebaliknya sudah berlaku seawal mulanya

ketamadunan manusia. Apa yang mungkin membezakannya hanyalah dari segi alasan dan juga kaedah pengguguran bayi itu dilakukan. Sejak dahulu, pengguguran merupakan satu metode kontrasepsi untuk mengawal populasi dan pembiakan manusia.

Apa yang jelas, pengguguran bukan lagi sekadar satu masalah sosial yang bersifat domestik semata-mata, sebaliknya ia turut menjadi salah satu masalah dunia dan antarabangsa secara keseluruhan. Walaupun ada segelintir yang menganggap pengguguran merupakan hak mutlak seorang wanita, namun pernyataan tersebut tidak seharusnya diterima begitu sahaja kerana terlalu banyak isu yang kaitan dengannya sama ada dari segi moral, etika, sosial, perundangan dan agama yang masih perlu diambil kira.

## Definisi Pengguguran

Pengguguran menurut Kamus Dewan (2007) berasal dari perkataan "gugur" yang membawa kepada pelbagai maksud antaranya jatuh sebelum masak, luruh, buang atau hilang. Manakala bagi tujuan definisi 'gugur' di dalam tajuk kajian ini ia bermaksud lahir sebelum cukup bulan. Perkataan 'menggugurkan' pula membawa makna mengeluarkan anak sebelum cukup bulan (dengan sengaja). Manakala kata terbitan daripada perkataan 'gugur' iaitu 'pengguguran' pula ditakrifkan sebagai perihal perbuatan atau tindakan menggugurkan. Jelas daripada definisi ini, penulis membuat kesimpulan bahawa yang dinamakan pengguguran itu ialah apabila wujudnya satu bentuk perbuatan atau tindakan secara langsung atau dengan perantaraan peralatan atau sebagainya dengan tujuan membuang atau mengeluarkan janin atau bayi daripada tempat asalnya iaitu rahim wanita secara sengaja dan dengan niat untuk mematikan.

Menurut *Oxford Dictionary of Law*, ia mendefinisikan pengguguran sebagai penamatan kehamilan, keguguran atau pembuangan janin daripada rahim sebelum tamat tempoh kehamilan

yang normal (Puteri, 2007). Di sini definisi yang diberikan membawa pengertian yang sama di antara pengguguran dan keguguran. Pemahaman bagi kedua istilah ini sangat penting kerana terdapat di sesetengah negara yang menggunakan perkataan keguguran di dalam peruntukan undang-undang berkaitan pengguguran (Nuraziah, 2007).

Walau bagaimanapun, dari sudut tatabahasa Melayu, di sana terdapat perbezaan yang nyata di antara keguguran dan pengguguran. Menurut definisi yang diberikan oleh (Kamus Dewan, 2007) keguguran bermaksud melahirkan anak sebelum cukup bulan (dengan tidak sengaja), sedangkan kalimah pengguguran pula membawa maksud perbuatan menggugurkan iaitu mengeluarkan anak yang juga belum cukup bulan tetapi dengan sengaja. Jelas di sini, unsur niat iaitu sengaja atau tidak menjadi elemen penting membezakan di antara pengguguran dan keguguran. Kriteria ini sangat penting dan dititik beratkan terutama bagi menentukan sama ada wujudnya unsur jenayah atau tidak mengikut peruntukan undang-undang.

Keguguran juga boleh didefinisikan sebagai pembuangan embrio atau janin dari rahim disebabkan oleh kematiannya atau menyebabkan kematiannya. Keguguran yang tidak disengajakan atau juga dikenali dengan keguguran spontan kebiasaannya adalah disebabkan oleh faktor-faktor semula jadi seperti berikut: (1) Replika kromosom yang tidak normal - Mengikut kajian, sebahagian besar wanita mengandung mengalami keguguran disebabkan bakanya, iaitu kromosom atau gen ada mengalami kerosakan. Ia tidak semestinya menandakan baka di pihak suami atau isteri mengalami kerosakan, tetapi seringkali juga terjadi ketika di dalam proses percantuman benih dan telur berlaku kesalahan. Akibatnya benih dan telur bercantum akan rosak dan akan berlaku keguguran. Jika setiap kali wanita mengandung kemudian gugur, baka suami atau isteri biasanya akan dikaji. Kadangkala salah satu kromosom mereka bersifat abnormal. Jika ini berlaku, keadaan ini biasanya tidak dapat

dibaiki dan pasangan yang ingin mendapatkan anak boleh menggunakan kaedah bantuan lain seperti bayi tabung uji atau menggunakan kaedah IVF. (Hamid, 2007) (2) Faktor alam sekitar- Antara contoh yang boleh dilihat ialah apabila berlakunya jangkitan kuman pada darah wanita yang mengandung. Wanita yang mengandung kadangkala tidak menunjukkan sebarang tanda penyakit atau kesakitan, tetapi kemudiannya mengalami keguguran. Apabila darahnya diperiksa didapati sudah dijangkiti kuman. Kuman pada darah itulah yang merosakkan kandungan. Antaranya seperti kesan beberapa jenis virus CMG, herpes simpleks dan rubela. Begitu juga dengan sejenis parasit *toxoplasmosis* yang ada pada badan kucing juga boleh menyebabkan keguguran. (3) Penyakit dalam rahim : Jenis-jenis penyakit dalam rahim yang sering dikaitkan dengan punca keguguran ialah *endometriasis* (rahimnya jatuh ke belakang), dan *fibroid*. (4) Trauma pada kandungan yang tidak dapat dielakkan : Seringkali juga berlaku keguguran kepada wanita yang mengalami trauma atau kejutan yang sangat kuat. Perkara ini biasanya terjadi kepada golongan wanita yang lemah semangat hingga mengganggu kestabilan tubuh badannya yang seterusnya memberi kesan kepada janin di dalam kandungan. Trauma ini juga termasuklah seperti serangan ke atas fizikal si ibu atau tekanan perasaan yang melampau.

### **Perspektif Ilmu Perubatan**

Pengguguran yang dimaksudkan dari sudut ilmu perubatan bermakna penamatan kandungan dalam uterus sebelum fetus mencapai tahap kebolehidupan (*viability*), iaitu sebelum fetus itu mampu untuk hidup dengan alat bantuan tertentu, iaitu tempoh neo-natal dan akhirnya dia mampu untuk hidup di luar rahim tanpa sebarang alat bantuan. Menurut kaedah ilmu perubatan tradisional, tempoh kebolehupayaan untuk hidup hanya akan diperolehi selepas minggu ke 28, dikira dari hari pertama kitaran haid yang terakhir iaitu ketika purata berat janin melebihi 1000 gram. Definisi kebolehupayaan hidup ini dilihat dari perspektif bahawa bayi di

bawah berat ini mempunyai peluang yang sangat tipis untuk hidup sedangkan kadar kematian bayi yang melebihi 1000 gram pula sangat rendah (Christopher & Stanley, 1986). Menurut ilmu perubatan di dalam bidang obstetrik dan ginekologi, pengguguran membawa maksud pembuangan hasil persenyawaan atau konseptus sebelum tamat tempoh kehamilan yang normal. Pengguguran berlaku apabila rahim yang hamil menjadi kosong secara pramasa dan dikenali sebagai penamatan kehamilan (*termination of pregnancy*) yang tidak dikehendaki secara sengaja. Di kalangan ahli perubatan, istilah pengguguran biasanya dirujuk kepada penamatan kehamilan yang dibuat secara haram dan tidak sah (*abortion*), sebaliknya bagi pengguguran yang dibenarkan atas alasan perubatan, istilah yang biasa digunakan oleh doktor adalah penamatan kehamilan atau juga dikenali sebagai *termination of pregnancy*.

Walaupun di sana terdapat perbezaan di sudut penggunaan terma yang lazimnya digunakan oleh pengamal-pengamal perubatan, kedua-dua istilah *abortion* dan *termination of pregnancy* membawa maksud dan kesan yang sama iaitu pembuangan janin atau fetus daripada rahim si ibu pada waktu di mana secara perubatannya, si janin tidak mempunyai kemampuan untuk hidup sama ada dengan bantuan alatan atau tidak. Apa yang membezakan keduanya hanyalah dari sudut perundangan, moral dan etika, di antara tindakan yang sah dan terlarang.

Berikut merupakan istilah-istilah perubatan untuk mengkategorikan jenis-jenis pengguguran: (1) Pengguguran spontan (keguguran): Kematian atau penyingkiran bayi dari rahim akibat trauma tak sengaja atau sebab semula jadi. Keguguran sebagainya boleh disebabkan oleh replikasi kromosom tak betul, atau faktor persekitaran lain. (2) Pengguguran aruhan (pengguguran yang dirangsangkan-induced abortion): Pematian atau penyingkiran bayi dari rahim yang dilakukan dengan sengaja oleh manusia sendiri. Pengguguran seperti ini boleh dikategorikan kepada: Pengguguran terapeutik: Pengguguran yang dilakukan bagi menyelamatkan nyawa wanita yang

mengandung, memelihara kesihatan fizikal atau mental wanita, menghentikan kehamilan yang akan melahirkan bayi yang mempunyai gangguan kongenital yang membawa maut atau keadaan tak sihat yang teruk, mengurangkan jumlah fetus secara berpilih, untuk mengurangkan risiko kesihatan yang berkaitan dengan kehamilan berganda dan pengguguran elektif iaitu pengguguran untuk sebab-sebab lain.

### Perspektif Undang-Undang

Kanun Keseksaan Malaysia tidak menerangkan secara jelas akan definisi pengguguran. Seksyen 312 dan 313 Kanun Keseksaan hanya menggunakan istilah 'keguguran' bagi maksud pengguguran yang dilarang. Namun begitu, dalam kebanyakan keputusan kes mahkamah menunjukkan bahawa jenis kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen 312 dan 313, adalah perbuatan menggugurkan bayi secara rangsangan seperti mana yang dirujuk sebagai perbuatan 'pengguguran' menurut istilah bahasa Melayu.

### Perspektif Islam

Pengguguran atau *al-ijhad* (الإجهاض) dari segi bahasa memberi maksud jatuh janin yang telah sempurna dan telah ditiupkan roh, tetapi belum hidup. Dan perkataan *al-ijhad* ini juga memberi maksud yang sama dengan beberapa perkataan yang lain, iaitu *al-izlaq* (tergelincir), *al-isqat* (jatuh), *al-implas* (tergelincir) dan *al-islab* (jatuh). Manakala pengertian *al-ijhad* menurut ulama-ulama feqah juga tidak melewati apa yang telah nyatakan dari segi bahasa. Imam al-Ghazali daripada mazhab Syafi'e, menggunakan lafaz *al-ijhad* dalam kitabnya *al-Ihya'*. Penggunaan lafaz *al-ijhad* ini kemudiannya diikuti oleh fuqaha' mazhab Syafi'e seperti pengarang Muhgni al-Muhtaj dan Nihayah al-Muhtaj. Bagi fuqaha' mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali, mereka menggunakan lafaz *al-isqat* apabila membicarakan berkenaan pengguguran. (Umar, 2001)

## Kaedah Pengguguran Secara Tradisional

Bagi kaedah pengguguran secara tradisional, metode yang digunakan bergantung kepada amalan setempat (adat). Contohnya, kaedah pengguguran secara tradisional di Malaysia mungkin berlainan dengan apa yang diamalkan oleh masyarakat di China dan India. Di negara China misalnya, wanita dikatakan meminum merkuri atau menelan berudu hidup untuk menyebabkan pengguguran. Sementara di negara India dan Afrika pula, wanita mengamalkan minuman herba atau tumbuhan-tumbuhan yang tajam serta mengamalkan pengurutan agar janin gugur dari kandungan (Pipes, 1986). Wanita di Afrika yang ingin melakukan pengguguran dikatakan mendapatkan khidmat daripada bidan kampung dengan memasukkan akar tumbuhan tertentu ke dalam servik mereka. Di pedalaman Indonesia dan Thailand juga, pengguguran terlarang dibuat dengan melakukan kaedah urutan pada bahagian badan tertentu wanita tersebut (Nuraziah, 2007).

Di Malaysia, proses pengguguran janin bukan sahaja boleh dilakukan oleh para doktor. Sebaliknya menjadi satu amalan dan kebiasaan wanita-wanita di kampung untuk mendapatkan khidmat pengguguran dengan mengunjungi bidan yang mempunyai pengalaman membantu wanita melahirkan anak. Apa yang biasanya dilakukan, seorang bidan akan memeriksa usia kandungan tersebut dengan kaedah urutan pada tubuh wanita tersebut. Sekiranya usia kandungan masih di peringkat awal, bidan biasanya akan melakukan urutan pada bahagian bawah perut dengan tujuan menggugurkan janin. Namun, kaedah ini mempunyai peratusan untuk berjaya yang tidak dapat dipastikan kerana seringkali juga berlaku janin gagal digugurkan (Asral, 2003).

Selain menggunakan kaedah urutan, cara kedua yang biasa digunakan oleh bidan di kampung ialah dengan menggunakan bahan-bahan tertentu seperti ramuan ubatan daripada akar kayu, nenas muda dan air tapai yang telah diperam. Dalam sesetengah keadaan, benda-

benda tajam seperti paku, besi, buluh dan batang kayu juga digunakan bagi menggugurkan janin.

Kaedah Pengguguran Secara Perubatan Moden. Abortion atau pengguguran anak juga dikenali sebagai sebagai pembuangan pramasa janin daripada rahim. Terdapat pelbagai cara dan metode yang boleh dipilih bagi melakukan pengguguran janin secara perubatan moden. Menurut Ummumursyida (2008) antaranya ialah: (1) Pengguguran Menggunakan Suction (Alat Penghisap) Kaedah ini biasanya digunakan bagi janin yang masih baru iaitu sebelum mencapai usia satu bulan. Pada waktu ini, janin masih sangat lembut dan apabila disedut (dihisap), maka ianya sangat mudah dilakukan. (2) Pengguguran Secara Penyedutan dan Pengkuretan (*Dilation and Extraction –D&X*) Menurut Christopher dan Stanley (1986) cara ini biasa digunakan untuk fetus yang berumur 23 minggu atau lima bulan dan ke atas. Pada ketika ini, secara asasnya janin sudah terbentuk dengan sempurna dan pada waktu seusia ini juga, bayi dalam kandungan ini mampu untuk merasa sakit sebab sel-sel sarafnya sudah ada walaupun tidak secara sempurna. Sebelum melakukan proses pengguguran dengan kaedah ini, bukaan serviks wanita perlu dibuka bagi memudahkan alat-alat tersebut masuk ke dalam rahim. Oleh sebab itu, bagi wanita yang melakukan pengguguran menggunakan cara D & X, bukaan serviks mereka akan menjadi lebih besar selama dua atau tiga hari.

Semasa proses ini dijalankan, doktor menggunakan teknologi ultra-sound bagi memberi bantuan dan panduan kepada doktor. Pada waktu ini, doktor akan menjadikan kedudukan bayi secara '*breech position*' iaitu kedudukan bayi songsang dengan mengeluarkan kaki dahulu. Dengan menggunakan *forceps*, kaki bayi ditarik keluar melalui *birth canal* (laluhan bayi keluar secara kelahiran normal). Setelah kaki berjaya dikeluarkan, doktor menarik keluar badan bayi serta organ-organ lain seperti tangan dan bahu, kecuali kepalanya. Struktur kepala bayi yang agak besar menyukarkannya untuk keluar melalui laluan *birth canal* tersebut. Apa

yang dilakukan oleh doktor adalah dengan menikam di bahagian belakang tengkorak bayi dengan menggunakan sejenis gunting (*blunt tipped surgical scissor*). Pada ketika doktor menusuk gunting pada tengkorak bayi, gunting akan di 'buka' sehingga kelihatan satu lubang besar pada tengkorak. Kemudian satu alat yang dinamakan '*suction catheter*' dimasukkan ke dalam tengkorak bagi tujuan menyedut otak bayi melalui lubang yang ditebuk menggunakan gunting tadi. Apabila otak bayi disedut, serta merta kepala akan mengecut dan ini memudahkan ia dikeluarkan daripada rahim si ibu. (3) Pengguguran Secara Suntikan Maut (*Saline*)- (*Salt Poisoning*) Selain '*salt poisoning*', cecair ni juga dikenali sebagai saline amniocentesis, "*salting out*," atau "*hypertonic saline*". Kaedah salt-poisoning biasanya digunakan bagi kandungan yang berusia selepas 16 minggu kehamilan iaitu selepas empat bulan. Pada usia kandungan sebegini, air ketuban atau name saintifiknya amniotic fluid sudah mencukupi berada di keliling bayi. Ketika proses pengguguran berlaku, jarum suntik akan di cucuk pada perut si ibu dan sebanyak 50-250 ml air ketuban akan dikeluarkan. Cecair ini kemudiannya digantikan dengan cecair yang pekat larutan garamnya (salt poisoning) (Stanislaw & George, 1987).

Bayi di dalam kandungan akan bernafas dalam cecair amniotic fluid tersebut, sambil menelan amniotic fluid yang sudah bercampur dengan air garam. Cairan ini akan membakar kulit bayi tersebut secara perlahan-lahan dan menyesakkan pernafasannya. Setelah menderita selama beberapa jam sehingga sampai satu hari bayi itu akhirnya meninggal dunia. Dengan lain perkataan, bayi tersebut seolah-olah 'diracun' sehingga mati kerana larutan kimia tersebut menyebabkan bayi berasa sakit seolah-olah terbakar, jantungnya berdegup kencang dan kulitnya akan musnah. Lebih kurang 35 hingga 72 jam selepas itu si ibu akan melalui fasa 'melahirkan' anak tersebut yang sudah mati dan 'terbakar'. Bayi yang dilahirkan biasanya mengerekot dan kulitnya berwarna kehitaman kesan daripada proses tersebut. (4) Pengguguran

Secara Sedutan Vakum (*Vacuum Aspiration*) Melalui kaedah ini, doktor menggunakan sejenis alat yang dinamakan *metal rod (retractor)* bagi meluaskan bukaan *serviks*. Satu *tube* plastik yang dipanggil *cannula* dimasukkan ke dalam *serviks* yang terbuka tadi. *Tube* tersebut akan disambung dengan satu mesin yang berfungsi seperti *vacuum*. Wanita yang menggunakan kaedah ini biasanya menggunakan bius kerana proses ini sangat menyakitkan kerana kuasa penyedutan yang digunakan sangat tinggi. Ini kerana *vacuum* itu perlu menyedut dan menarik *fetus* (janin) dan *placenta* dari dinding rahim (*uterus wall*) serta perlu menjadikan bayi tersebut kepada cebisan-cebisan. Ini bagi memudahkan cebisan tersebut dikeluarkan melalui *cannula* dan *tube* tadi. Selepas proses sedutan berakhir, doktor akan menggunakan alatan yang dinamakan *urette* bagi tujuan mengikis dinding *uterus* untuk memastikan tiada *placenta* dan serpihan bayi yang tertinggal di dalam rahim. Selepas di 'kikis', *vacuum* akan digunakan semula bagi menyedut saki baki yang tinggal. Ini sangat penting kerana walaupun sedikit tisu bayi atau *placenta* yang tertinggal di dalam rahim, ia akan menyebabkan jangkitan kuman yang dahsyat kepada wanita tersebut. (5) *Hysterotomy (Removal of the Fetus)* Kebiasaannya kaedah ini digunakan pada usia kandungan 5 bulan ke atas. Kaedah ini lebih mirip kepada kelahiran secara pembedahan (*caesarean*). Apa yang membezakannya hanyalah janin dikeluarkan bukan dengan tujuan membantunya terus hidup. Bagi mencapai tujuan pengguguran, bayi yang dikeluarkan secara pembedahan kemudiannya dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang bantuan atau rawatan perubatan. Secara adat kebiasaannya, tanpa sebarang bantuan diberikan, bayi terdedah kepada risiko tercekik atau mati kesejukan. (6) Pengguguran Melalui ubat-ubatan. Prinsip yang digunakan dalam kaedah ini ialah dengan mewujudkan persekitaran yang tidak sihat bagi perkembangan *fetus* di dalam kandungan. Sebagai contoh, dengan mengambil ubat-ubatan yang mengandungi bahan kimia *antiprogesterin* dan *prostaglandine*. Bahan kimia ini berfungsi mengurangkan rembesan hormon progesterone

ke dalam badan wanita yang akan menyebabkan pengeluaran embrio daripada rahim. Contoh ubatan yang mengandungi bahan kimia tersebut adalah seperti ubat *mifepristone*.

### **Hukum dan Justifikasi Pengguguran dalam Islam**

Kaedah usul feqah ada menggariskan satu prinsip yang berbunyi (لا ضرر ولا ضرر) kaedah ini membawa maksud bahawa tiada boleh melakukan sesuatu yang bersifat mudarat kepada diri dan memudaratkan orang lain. Pengguguran adalah sesuatu yang memudaratkan janin kerana tindakan tersebut adalah bertujuan mematikannya. Ia juga boleh memudaratkan nyawa si ibu kerana dalam sesetengah situasi, perbuatan menggugurkan janin boleh menyebabkan pendarahan yang teruk pada ibu (Marzuki, 2009) dan seterusnya mengancam nyawanya. Para fuqaha' Islam telah banyak membincangkan berkenaan hukum pengguguran janin. Melihat kepada perbincangan para fuqaha Islam, maka dapat diringkaskan hukum pengguguran janin dalam Islam terbahagi kepada dua keadaan: (1) Pengguguran janin yang berlaku selepas ditiupkan roh padanya (selepas 120 hari atau empat bulan). Para fuqaha telah bersepakat bahawa pada ketika ini pengguguran adalah haram. Ia dianggap melakukan jenayah terhadap makhluk yang hidup, sempurna dan bernyawa tanpa sebarang alasan munasabah. Denda yang dikenakan sekiranya janin itu hidup ketika digugurkan kemudian mati adalah bayaran diat. Bagi janin yang mati ketika gugur dikenakan bayaran ghurrah. Haram pengguguran selepas ditiupkan roh iaitu selepas berusia 120 hari (empat bulan). Hujah ini dikuatkan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud, di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda: *"Bahawa setiap seorang daripada kamu dihimpunkan kejadiannya di dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian jadilah ia segumpal darah seperti yang demikian, kemudian jadilah ia seketul daging seperti yang demikian, kemudian diutus malaikat lalu ditiupkan padanya roh"* (Al-Asqalani, 1959).

Walaubagaimanapun, di sana ada sebahagian pendapat mengatakan sekiranya kandungan diteruskan walaupun setelah empat bulan kehamilan, boleh mengakibatkan kematian kepada si ibu maka pengguguran dibenarkan. Pendapat ini adalah berasaskan kepada prinsip Usul Fiqh yang mana jika di sana terdapat dua jenis mudarat, maka ambillah mudarat yang paling ringan. Dalam situasi sebegini, nyawa kedua ibu dan anak sama penting dan berharga.

Namun, seandainya di sana memerlukan pilihan terpaksa dibuat, di atas dasar bahawa nyawa ibu itu sudah jelas hidupnya, maka ia perlu lebih diutamakan berbanding bayi yang belum pasti keupayaan hidupnya. Islam adalah agama yang realistik dan fleksibel. Dalam situasi di mana berlakunya darurat yang sangat mendesak, maka ada kelonggaran diberikan untuk 'keluar' dari prinsip asal yang mungkin tidak membenarkan. Namun begitu, kelonggaran yang diberikan tidak boleh disalahgunakan sewenang-wenangnya. Masih ada syarat dan panduan yang wajib dipatuhi dan diikuti (2) Pengguguran janin yang berlaku sebelum ditiupkan roh. Pendapat pertama: Harus melakukan pengguguran janin dalam tempoh 40 hari dari tempoh kehamilan. Pendapat ini diberikan oleh Mazhab Hanafi. Menurut ulama' Mazhab Hanafi, kandungan yang belum sampai usia 120 hari iaitu masa roh ditiupkan, pengguguran boleh dilakukan sekiranya di sana wujud persetujuan di antara suami dan isteri. Di sana tidak pula disyaratkan sebarang alasan atau perlu wujudnya sebab yang syari'e sebelum pengguguran. Apa yang penting adalah persetujuan dari kedua pasangan suami isteri diperolehi. Maksudnya, jika seorang isteri menggugurkan kandungan tanpa izin suami maka ia berdosa dan perlu membayar denda. Antara mereka yang membolehkan pengguguran pada waktu ini ialah sebilangan fuqaha Hanafi, Al-Laqqmi daripada Maliki, Abu Ishak al-Marwazi daripada Syafie dan sebahagian Hambali. Bagi mereka dalam tempoh yang disebutkan tadi kandungan masih lagi tidak bernyawa. Setengah daripada mereka pula meletakkan beberapa syarat dan garis panduan bagi membolehkan kandungan digugurkan.

Antara syarat-syarat yang wajib dipatuhi ialah:  
(1) Sekiranya kandungan tersebut dikekalkan akan memberi kemudharatan pada isteri. (2) Terputusnya susu dengan sebab hamil lagi dan suami tidak berkemampuan untuk mengupah wanita lain untuk menyusukan anaknya. (3) Mestilah mendapat kepastian dari pakar perubatan yang dipercayai (thiqah) bahawa pengguguran yang akan dilakukan tidak memberi sebarang kemudharatan kepada isteri. (4) Mesti bertujuan untuk menumpukan perhatian penuh kepada tarbiah dan pendidikan anak, kerana sebilangan isteri tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya apabila mengandung.

Pendapat kedua: Makruh yang membawa kepada haram menggugurkan janin, pendapat ini dipelopori oleh sebilangan fuqaha Hanafi, Syafie dan Hambali. Pendapat ketiga: Haram pengguguran secara keseluruhan. Pendapat ini dipelopori oleh Mazhab Maliki dan beberapa ulama' dari Mazhab Syafie. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut: (1) Mereka berhujah bahawa tidak boleh mengeluarkan mani (setelah berlaku persenyawaan) yang telah terbentuk di dalam rahim walaupun sebelum tempoh 40 hari, kerana ia akan hidup. Maka hukum baginya adalah seperti yang hidup. (2) Imam Ghazali memberi pandangan bahawa haram melakukan pengguguran dalam tempoh ini. Menurut beliau, ia adalah jenayah ke atas benda wujud yang akan terjadi, di mana peringkat pertama kewujudannya ialah apabila mani diletak di dalam rahim dan berlaku persenyawaan serta bersedia untuk menerima kehidupannya. Menghalang perkara tersebut bererti jenayah, kerana menyekat ia dari terbentuk dengan sempurna.

Menurut Ibnu Jauzi: Perkara tersebut adalah haram tetapi kurang dosanya berbanding dengan pengguguran yang dilakukan selepas ditiupkan padanya roh. Pendapat yang dipegang oleh kebanyakan fuqaha adalah pendapat yang mengatakan haram menggugurkan janin (jika tidak ada sebarang sebab yang membolehkannya)

Hukum Pengguguran Janin Anak Luar Nikah (Zina atau Rogol) Di sana terdapat beberapa pendapat di kalangan ulama silam dan ulama kontemporari berkaitan hukum pengguguran bagi janin hasil hubungan haram sama ada disebabkan perzinaan atau dirogol.

#### *Pendapat Ulama Terdahulu (silam):*

(1) Mazhab Maliki: Pengguguran adalah diharamkan jika dilakukan selepas ditiupkan roh ke atas janin tersebut. Berdasarkan pendapat Al-Imam Khurasyi dan lain-lain ulama Malikiyah mengharamkan secara mutlak pengguguran janin walaupun sebelum 40 hari yang pertama di dalam rahim. Inilah pendapat muktamad di dalam mazhab Maliki. (2) Mazhab Syafie: Para ulama bermazhab Syafei bersepakat mengatakan bahawa pengguguran adalah diharamkan jika dilakukan selepas ditiupkan roh ke atas janin tersebut. Manakala jika sebelum ditiupkan roh sebahagian ulama Syafieyah membenarkan pengguguran dilakukan. Ini berdasarkan pendapat Imam Qarafi. Imam Al-Ghazali juga membahaskan tentang perkara ini tetapi tidak menjelaskan sama ada ianya haram atau tidak. Imam Al-Ramli dan Syeikh Sulaiman Jamal mengatakan harus dilakukan pengguguran jika sebelum ditiupkan roh. Manakala Imam Subki meletakkan bahawa harus digugurkan jika janin yang berada di dalam rahim tersebut belum melebihi 80 hari.

#### *Pendapat Ulama Semasa (Kontemporari):*

Menurut Dr. Misbah Mutawalli Sayyid Hammad (pensyarah Fiqh Perbandingan Universiti Al-Azhar), tidak terdapat seorang pun di kalangan ulama semasa yang bersetuju bahawa janin anak zina dibenarkan untuk dilakukan pengguguran. Antara ulama yang berpendapat sedemikian adalah seperti Dr. Abdul Fattah Idris dan Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti. Bahkan mereka menegaskan bahawa sepatutnya para ulama melarang perkara seperti ini berlaku. Di antara doktor perubatan yang menyokong pendapat ini ialah Dr. Hassan Huthut dan Dr. Muhammad Ali al-Baz. Di antara dalil yang



digunakan oleh para ulama yang mengharamkan perkara ini ialah: Firman Allah (s.w.t) dalam surah an-Najm ayat 38 yang bermaksud: *“Bahawa sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)”* (Al Quran 53:38)

Ayat ini menerangkan bahawa seseorang itu tidak akan menanggung dosa perbuatan orang lain. Menurut Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti: *“Kita mengetahui dengan jelas bahawa tujuan sebenar pengguguran ini dilakukan oleh penzina adalah semata-mata untuk mengelakkan dirinya dicemuh masyarakat terhadap dosa yang dilakukan olehnya”*. Maka ini jelas menunjukkan bahawa perkara ini diharamkan. Seolah-olah janin yang tidak bersalah tersebut turut terlibat sama di dalam dosa yang dilakukan oleh penzina terbabit.

Berdasarkan hadis wanita yang berzina pada zaman baginda nabi (s.a.w). Hadis tersebut diriwayatkan di dalam Sahih Muslim pada bab hukuman zina. Kesimpulan yang dapat kita ambil daripada hadis ini ialah jika benar pengguguran janin anak zina dibenarkan oleh syarak, maka tentulah banginda nabi s.a.w. akan mengarahkan wanita tersebut untuk menggugurkan kandungannya. Hadis tersebut juga menjelaskan bahawa wajib menjaga kandungan tersebut sehingga dilahirkan dan disusukan selama dua tahun.

Kesimpulannya, berdasarkan dua pendapat di atas yang telah dibincangkan tadi, haram melakukan pengguguran terhadap anak luar nikah. Dalil-dalil yang digunakan oleh para ulama semasa lebih jelas dan kuat berkenaan pengharaman perkara ini. Maka para pengamal perubatan perlu mengambil perhatian tentang perkara ini.

### **Fatwa Berkenaan Hukum Pengguguran di Malaysia**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-26

telah diputuskan pada 7 Mac 1990. Fatwa yang dikeluarkan adalah berkaitan persoalan hukum mengugurkan kandungan di atas nasihat doktor disebabkan kecacatan. Secara ringkasnya, fatwa tersebut menyatakan: (1) Menurut Ijmak Fuqaha', haram menggugurkan janin yang telah berumur lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang teruk. (2) Makruh menggugurkan janin yang berumur antara satu hari hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua-dua suami isteri. (3) Ijmak Fuqaha' berpendapat hukum pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Muzakarah telah mengambil keputusan bahawa adalah haram menggugurkan janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

### **Peruntukan Undang-Undang di Malaysia**

Di Malaysia, tiada satu akta yang khusus yang mengawal jenayah pengguguran sepertimana Akta Pengguguran 1961 di United Kingdom dan *Medical Termination of Pregnancy Act 1971* yang berkuatkuasa pada 1 April 1972 di India. Setakat ini segala bentuk jenayah yang berkaitan dengan pengguguran secara langsung atau tidak langsung hanya diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan di Malaysia. Beberapa seksyen yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989 (Akta A727) jelas memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang berkait dengan jenayah pengguguran bayi. Antaranya ialah seksyen 312 hingga seksyen 316. Seksyen 312 dengan jelas menyatakan hukuman bagi kesalahan menyebabkan keguguran. Seksyen ini memperuntukkan: *“Barangsiapa dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan yang hamil gugur hendaklah*

*disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya; dan jika perempuan itu mengandung anak yang telah bersifat, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.”*

Seksyen ini menjelaskan bahawa pengguguran adalah satu jenayah. Perkataan “perempuan yang hamil” bermaksud perbuatan yang menyebabkan keguguran janin perlu dilakukan ke atas wanita yang hamil. Jika wanita tersebut tidak hamil, maka ia tidak tertakluk di bawah seksyen ini. Di dalam kes *Munah bt Ali lwn Pendakwaraya*, defendan telah dituduh di bawah Seksyen 312 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan keguguran pada seorang wanita Cina. Walau bagaimanapun, terdapat bukti dan keterangan yang menunjukkan bahawa sekalipun di sana ada tindakan memasukkan alat ke dalam vagina wanita bagi tujuan menggugurkan janin, mahkamah mendapati wanita tersebut tidak hamil ketika perbuatan tersebut dilakukan. Ini bermakna syarat Seksyen 312 tidak dipenuhi dan tuduhan terpaksa digugurkan dan diubah kepada cubaan untuk menyebabkan keguguran di bawah Seksyen 511 Kanun Keseksaan Malaysia. (Gaur, 1995)

Seksyen 312 turut menghuraikan bahawa seseorang wanita yang menyebabkan diri sendiri mengalami keguguran adalah termasuk di bawah pengertian seksyen ini. Pengecualian turut dinyatakan secara khusus kepada seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 yang menamatkan kehamilan seorang perempuan jika pengamal perubatan tersebut berpendapat, dengan suci hati, bahawa penerusan kehamilan itu akan melibatkan risiko kepada nyawa perempuan yang hamil itu, atau kecederaan kepada fizikal atau mental perempuan yang hamil itu lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan.

Di dalam kes *Pendakwarya lawan Dr Nadason Kanalingam*, seorang doktor obstetrik dan ginekologi telah didakwa di bawah seksyen

312 Kanun Keseksaan atas perbuatan sengaja menyebabkan keguguran pada seorang wanita hamil dan ia dilakukan tanpa suci hati untuk menyelamatkan nyawa wanita tersebut. Doktor tersebut telah menjalankan pembedahan ‘*tubal ligation*’ ke atas wanita tersebut memandangkan hasratnya tidak mahu mempunyai anak lagi. Akan tetapi selepas lima bulan didapati wanita itu 14 minggu mengandung. Lantas tertuduh memberikan suntikan saline (larutan bergaram) dan selepas 48 jam, wanita tersebut keguguran fetus lelaki berukuran 35.56 cm.

Mahkamah telah menolak alasan tertuduh yang melakukan perbuatan tersebut dengan suci hati untuk menyelamatkan nyawanya. Mahkamah sebaliknya membuat telahan bahawa tertuduh melakukan pengguguran semata-mata untuk menyenangkan hati wanita tersebut dan untuk menyekat daripada diketahui umum tentang kegagalannya melakukan pembedahan ‘*tubal ligation*’ serta bukan atas tujuan menyelamatkan nyawa si ibu. Tertuduh tidak membuat pertimbangan yang wajar dan gagal memeriksa wanita itu sepenuhnya. Mahkamah dalam keputusannya telah menjatuhkan hukuman denda RM3,500.00 sebagai ganti empat bulan penjara. Bagi tertuduh yang menyebabkan keguguran dengan tiada kerelaan perempuan tersebut, seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 312 boleh dikenakan hukuman penjara hingga dua puluh tahun dan juga denda. Peruntukan ini dinyatakan di bawah Seksyen 313 akta yang sama.

Seksyen 314 seterusnya memperuntukkan kesalahan bagi kematian yang disebabkan oleh perbuatan yang dilakukan dengan niat hendak menyebabkan keguguran. Ia menyebut: “*Barangsiapa dengan niat hendak menyebabkan keguguran seseorang perempuan yang hamil, melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan kematian perempuan itu, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika perbuatan itu dilakukan dengan tiada kerelaan perempuan itu, hendaklah disiksa dengan*

*penjara yang boleh sampai dua puluh tahun”* Huraian pada seksyen itu turut menyatakan, “Maka tidak mustahak bagi kesalahan ini bahawa pesalah itu ketahui perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian.”Justeru, bukanlah ia satu keperluan untuk membuktikan bahawa pesalah mengetahui bahawa perbuatan itu boleh menyebabkan kematian. Apa yang dilihat hanyalah syarat bahawa sudah berlakunya kematian pada wanita tersebut. (Puteri, 2007)

Di dalam kes pendakwaraya lawan Dr. Ong Bak Hin, tertuduh Dr Ong Bak Hin adalah seorang pengamal perubatan yang berdaftar. Beliau telah melakukan pengguguran ke atas seorang wanita Cina yang hamil 2 bulan yang menyebabkan kematiannya. Terdapat bukti menunjukkan si mati boleh melahirkan bayi secara normal. Pihak juri mendapati tertuduh dengan sengaja menyebabkan pengguguran terhadap si mati, melakukan pembedahan untuk menyebabkan pengguguran hingga wanita itu mati. Pihak juri sebulat suara mendapati tertuduh bersalah di bawah seksyen 314 Kanun Keseksaan dan dikenakan lima tahun penjara. Hukuman ini walaubagaimanapun dikurangkan kepada dua tahun dengan mempertimbangkan umurnya dan tempoh penglibatannya dalam profesion perubatan.

Seksyen 315 Kanun Keseksaan seterusnya memperuntukkan kesalahan seperti berikut: *“Barangsiapa, sebelum seseorang anak dilahirkan, melakukan apa-apa perbuatan dengan niat dengan jalan demikian itu hendak mengelakkan anak itu daripada dilahirkan hidup, atau hendak menyebabkan anak itu mati selepas dilahirkan, dan dengan perbuatan itu mengelakkan anak itu daripada dilahirkan hidup, atau menyebabkan anak itu mati selepas dilahirkan, hendaklah, jika perbuatan itu tidak disebabkan dengan suci hati bagi maksud hendak menyelamatkan nyawa ibunya, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”*

Seksyen ini bertujuan bagi menyabitkan

kesalahan membunuh fetus di dalam rahim yang sudah bersifat dan si ibu sudah boleh merasai pergerakan fetus tersebut di dalam rahim, kebiasaannya pada usia enam bulan di dalam kandungan. Selain itu ia juga digunapakai bagi perbuatan yang menyebabkan kematian pada bayi selepas ia dilahirkan. Walaupun begitu, seksyen ini tidak digunakan sekiranya perbuatan tersebut dilakukan dengan tujuan menyelamatkan nyawa si ibu.

Peruntukan seterusnya yang melibatkan jenayah pengguguran bayi adalah Seksyen 316 Kanun Keseksaan. Ia menyebut: *“Barangsiapa melakukan apa-apa perbuatan dalam keadaan yang sedemikian bahawa jika ia dengan jalan demikian itu menyebabkan kematian ia adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah, dan dengan perbuatan itu menyebabkan kematian seorang anak yang telah bersifat yang belum lahir, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.”*

Niat pesalah merupakan elemen penting yang membezakan antara Seksyen 316 dan Seksyen 315. Di bawah seksyen 315, niat utama pesalah adalah untuk menyebabkan pengguguran, mengelakkan kelahiran bayi yang hidup atau memastikan kematian bayi tersebut sebelum dia dilahirkan. Sebaliknya, kesalahan di bawah seksyen 316 pula, tidak semestinya menyebabkan pengguguran atau kematian bayi dalam rahim. Maksudnya, jika pesalah melakukan tindakan yang akan menyebabkan kematian bayi tersebut walaupun tanpa niat, pesalah akan disabitkan di bawah seksyen ini.

### **Hukuman bagi Kes Pengguguran dalam Islam**

Berdasarkan kepada definisi janin yang telah diterangkan sebelum ini di dalam bab terdahulu, ia bermaksud kandungan yang terdapat dalam perut ibu sebelum dilahirkan dan telah mula menjalani fasa pembentukan dan kejadian. Maka mereka yang sabit melakukan kesalahan pengguguran janin perlu dikenakan

hukuman tertentu mengikut perundangan Islam. Pembayaran denda mengikut undang-undang jenayah syariah ini disebut sebagai *diyat janin*. *Diyat janin*: dikenakan sekiranya pesalah melakukan jenayah terhadap janin yang merdeka dan Islam sama ada lelaki mahu pun perempuan dengan cara menyerang perut ibunya sehingga janin itu mati dengan sebab serangan tersebut, pesalah dikenakan membayar *ghurrah* iaitu seorang hamba lelaki atau wanita, atau membayar satu perdua puluh *diyat* bersamaan dengan lima ekor unta. Jika unta ini tiada, pesalah wajib membayar dengan nilai yang sama. Menurut sesetengah pendapat, pesalah perlu membayar 50 dinar. (Al-Khin et al. 2005)

Dalil yang menunjukkan *diyat* janin wajib dibayar ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah (s.a.w) memutuskan bagi *diyat* janin hendaklah dibayar dengan *ghurrah*.

Menurut riwayat Al-Bukhari, Abu Hurairah (r.a) berkata: “*Suatu ketika dua orang wanita Bani Huzail bergaduh dan salah seorang di antara mereka melontar batu ke arah seorang lagi menyebabkan wanita itu dan kandungannya mati. Mereka mengadu kepada Nabi (s.a.w) dan Baginda memutuskan diyat bagi janin tersebut ialah ghurrah iaitu seorang hamba lelaki atau wanita. Baginda juga memutuskan diyat wanita tersebut dibayar oleh kaum lelaki keluarga pesalah.*”

Daripada Al-Mughirah bin Syu'bah daripada Umar (r.a): “*Umar meminta pandangan mereka mengenai diyat wanita yang keguguran. Al-Mughirah berkata: Nabi (s.a.w) telah menjatuhkan hukuman membayar ghurrah iaitu seorang hamba lelaki atau wanita. Umar berkata: “Bawakan seseorang sebagai saksi.” Lalu Muhammad bin Maslamah mengesahkan bahawa Nabi (s.a.w) menjatuhkan hukuman sedemikian.*”

Seperti yang dinyatakan tadi, Umar (r.a) telah menilai *diyat* bersamaan dengan 1,000 dinar. Berdasarkan kepada penilaian ini maka satu perdua

puluh (1/20) *diyat* adalah bersamaan dengan 50 dinar. Seseorang yang melakukan sebarang perbuatan seperti menumbuk atau memukul wanita mengandung boleh menyebabkan kematian bukan sahaja kepada si ibu, malah si anak di dalam kandungan juga boleh meninggal dunia. Sepertimana perbuatan memukul, perbuatan menakut-nakutkan juga dianggap sama seperti memukul.

Diriwayatkan bahawa pada suatu ketika Umar bin Al-Khattab telah membuat dakwaan terhadap seorang wanita lalu menyebabkan wanita tersebut ketakutan hingga kandungannya gugur. Lalu Umar meminta pandangan para sahabat mengenai masalah tersebut. Beberapa orang memberi pandangan bahawa Umar tidak wajib dikenakan apa-apa. Walaubagaimanapun Ali bin Abu Talib memberi fatwa bahawa Umar wajib membayar *diyat*. Lalu Umar melaksanakan pandangan Ali ini. Daripada kisah ini jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menghormati dan meletakkan nyawa seorang manusia pada nilai yang sangat tinggi. Walaupun perbuatan menakut-nakutkan dengan kata-kata tidak mempunyai hubungan jenayah secara fizikal, namun ia tetap menjadi satu kesalahan terutama apabila perbuatan yang mungkin tidak disengajakan itu menyebabkan kematian pada ‘kehidupan’ yang lain.

Prinsip dan kewajipan membayar *diyat* atau *ghurrah* tetap sama dan tidak akan gugur sekiranya ibu kandungan sendiri melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan kematian janin seperti menelan ubat merbahaya dengan tujuan untuk menggugurkan anak tanpa ada keperluan yang mendesak (*darurat*), dia wajib dikenakan satu perdua puluh *diyat* (*ghurrah*) yang dibayar kepada waris janin. Apabila situasi ini terjadi, si ibu tidak layak untuk menerima bahagiannya daripada *diyat* ini atas kedudukannya sebagai waris si janin kerana dia merupakan pembunuh janin. Dalam kaedah *fiqhul jinayah*, seorang pembunuh tidak boleh mewarisi pusaka. Demikianlah juga sama keadaannya ke atas doktor yang menjalankan pengguguran kandungan tanpa sebarang alasan

dan sebab yang mendesak dan dibenarkan, boleh dianggap sebagai ‘pembunuh’ dan tidak layak menerima pusaka sekiranya ia terdiri daripada kalangan ahli waris si janin sendiri.

Mengikut prinsip dan kaedah asas, *diyât* janin hanya akan dikenakan apabila memenuhi beberapa syarat berikut iaitu: (1) Jenayah yang dilakukan memberi kesan kepada janin seperti memukul, memberi ubat dan sebagainya. Bukan sekadar tamparan kecil atau yang seumpama dengannya yang tidak memberi kesan kepada janin. (2) Berpisah (gugur dari kandungan ibu). Sekiranya jenayah yang dilakukan menyebabkan si ibu mati tetapi janin tidak berpisah daripada ibu, penjenayah tidak akan dikenakan membayar *diyât* janin. Perpisahan (gugur) ini dikira berdasarkan sebahagian daripada janin terpisah (gugur dari kandungan ibu) bagi membuktikan kewujudannya. (3) Kandungan yang terpisah mestilah disahkan mati. Sekiranya janin yang terpisah masih hidup, beberapa situasi perlu diambil kira. Sekiranya janin tersebut masih sihat dalam tempoh yang lama tanpa ada tanda kesakitan dan kemudian mati, pesalah tidak akan dihukum. Ini kerana pada zahirnya kandungan ini mati disebabkan oleh faktor lain dan bukan perbuatan pembunuh. Sekiranya kandungan tersebut mati ketika keluar atau masih hidup ketika keluar tetapi sakit sehingga menyebabkan kematiannya, pesalah akan dikenakan *diyât* penuh. Ini kerana ketika dilahirkan janin tersebut disahkan masih hidup. Atas sebab itu, hukumannya sama seperti manusia biasa. Berdasarkan kepada pandangan orang awam, kehidupan bayi ini boleh diketahui melalui tangisan atau wujud tanda yang menunjukkan dia hidup seperti bernafas, menghisap susu atau membuat gerakan yang kuat. Sekiranya janin ini mati selepas kematian ibunya akibat serangan tadi, pesalah diwajibkan membayar *diyât* janin.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, Islam telah menetapkan beberapa kaedah dan prinsip yang perlu diikuti dalam menyelesaikan isu jenayah pengguguran janin. Setiap hukuman dan tanggungan yang

ditetapkan ke atas pesalah yang disabitkan kesalahan berbeza mengikut situasi dan keadaan yang berlaku. Sebagai contoh, penentuan sama ada seseorang itu dikenakan *diyât* penuh atau *ghurrah* adalah bergantung kepada keadaan janin semasa ia dilahirkan. Hukuman bagi jenayah yang dilakukan kepada orang dewasa dan memberi kesan kepada janin tetap juga dianggap satu jenayah dan wajib dikenakan tindakan di bawah undang-undang Islam. Beberapa saranan dan cadangan yang dirasakan perlu diimplimentasi bagi memperbaiki sistem perundangan di Malaysia termasuklah akta pengguguran yang berasingan, penukaran perkataan ‘keguguran’ di dalam kanun keseksaan dan bentuk hukuman.

### Rujukan

#### Al-Quran

Al-Asqalani, Ibnu Hajar (1959). Fathul Bari. Dar Ma’rifah, Beirut, Lubnan.

Al-Bukhari, Muhammad, I. (1987). Sahih, Dar Ibn Kathir, Beirut, Lubnan.

Al-Khin, Mustofa, al-Bugho, Mustofa & Asy-Syarbaji, Ali (2005). Al-Fiqhul Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie. Pustaka Salam Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Asral Widad, A.A. (2003). Pengguguran: Kajian Perbandingan di Antara Undang-undang Malaysia, Undang-undang Inggeris dan Undang-undang Islam. Fakulti Undang-Undang, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Christopher, T., & Stanley, K. (1986). Induced Abortion : A World Review 1986, Ed. Ke- 6. The Alan Guttmacher Institute, NY, USA.

Gaur K.D. (1995). Abortion And The Law in the Countries of the Indian Sub-Continent, Asean Region, United Kingdom, Ireland and The United States of America: Koleksi Esei Undang-undang Sempena 25 Tahun UKM. Fakulti Undang-undang UKM, Bangi, Selangor Malaysia.

Hamid Arshad. (2000) Punca Keguguran, Dipetik dari <http://www.mengandung.com/artikel/punca-keguguran.html>. Dipetik pada 4 Ogos 2000.

Kamus Dewan, (2007). Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Marzuki. (2009). Hukum Pengguguran (Abortion)[SIRI 1] Terhadap Janin Anak Luar Nikah Dipetik dari <http://drmarzuki.wordpress.com/2009/06/15/hukum-pengguguran-abortion-terhadap-janin-anak-luar-nikah/> . Dipetik pada 15 Jun 2009.

Pipes, M. (1986). Understanding Abortion. Women's Press Limited, London, UK.

Nuraziah Mohamad Sanif, (2007). Pengguguran Janin: Menurut Fiqh dan Undang-Undang. KUIS, Selangor, Malaysia.

Puteri, N. J. K. (2007). Laws and Ethics Relating to Medical Profession, International Law Book Services, Petaling Jaya, Malaysia.

Puteri, N. J. K., & Abu Haniffa Mohamed Abdullah (Eds), (2003), Issues In Medical Law And Ethic, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, hlm.205.

Stanislaw, J., & George F. (1987). Abortion and Protection of the Human Fetus. Martinus Nijhoff Publishers, The Netherlands.

Umar Muhammad Ibrahim Ghanim, (2001). Ahkam Al-Janin Fil Fiqhi Al-Islami, Dar Al-Andalus Al-Khadra', Beirut, Lubnan.

Ummulmursyida, (2008). Abortion (Part iii), Dipetik dari <http://pulutkuning.wordpress.com/2008/10/27/abortion-part-iii>. Dipetik pada 27 Oktober 2008